

03/08/2004

LID peluang terbaik raih pengalaman penting

By Mutazar Abd Ghani

BERIKUTAN pengunduran Tun Dr Mahathir Mohamad pada Oktober tahun lalu, ramai yang tertanya-tanya mengenai masa depan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) yang diasaskan beliau pada 1995.

Walaupun penggantinya sudah berjanji untuk meneruskan dialog perkongsian pintar itu, masih ada yang sangsi dengan jaminan diberikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Namun, kini ternyata segala tanda tanya dan kesangsian itu sudah terjawab apabila Abdullah secara tegas menyatakan komitmen Malaysia untuk meneruskan dialog yang menggabungkan negara Selatan itu.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia komited untuk terus menganjurkan LID ke arah mengekalkan perkongsian pintar di kalangan negara peserta bagi membawa kejayaan lebih gemilang pada masa depan.

Ia juga selaras dengan janji yang diberikan beliau ketika menghadiri dialog sebelum ini di Langkawi, dua tahun lalu.

"Ketika kita mengadakan dialog lalu di Langkawi (pada 2002), saya ditanya oleh beberapa orang pada sesi penutup apa yang akan berlaku selepas Dr Mahathir bersara.

"Pada masa itu, saya berjanji kita akan mengadakan LID dan hari ini saya gembira kerana ia sudah menjadi realiti. Kerajaan Malaysia akan terus komited untuk mengadakan dialog ini apabila giliran kami tiba," katanya pada sesi pertemuan Ketua Negara dan Kerajaan dengan media pada hari pertama LID, Khamis lalu.

Konsep perkongsian pintar ini dirintis oleh Malaysia ketika ia menjadi tuan rumah kepada LID pada 1995. Ia kemudian membawa kepada pengenalan acara yang sama dalam bentuk Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

Global 2004-LID selama tiga hari yang berlangsung di Langkawi dari 29 hingga 31 Julai lalu adalah kali ketujuh diadakan. Ia dianjurkan bersama Kumpulan Industri Kerajaan Malaysian bagi Teknologi Tinggi (MIGHT) dan Perkongsian Komanwel bagi Pengurusan Teknologi (CPTM), disertai kira-kira 700 peserta dari lebih 30 negara.

Bertemakan 'Ke Arah Dunia Lebih Pintar: Menyatukan Cabaran Pembangunan Dengan Keselamatan Dunia Menerusi Dialog,' LID kali ini disifatkan oleh ketua negara yang hadir sebagai 'amat berjaya dan produktif'.

Mereka berpendapat konsep perkongsian pintar yang mengumpulkan peserta bersama-sama untuk berbincang dan bekerja bagi mencari jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah, termasuk pembangunan dan usaha membasmi kemiskinan sebagai kaedah terbaik untuk mencapai sesuatu keputusan.

Abdullah selaku Penaung Global LID 2004 berkata, dialog itu amat berjaya apabila dinilai berdasarkan maklum balas yang diterimanya daripada delegasi. Ia juga memberi banyak manfaat kepada negara peserta terutama dalam isu pembangunan, kemiskinan dan keselamatan.

Katanya, menerusi dialog itu setiap negara peserta dapat belajar daripada pengalaman masing-masing, sekali gus memberi idea untuk meneruskan agenda masa depan serta menyelesaikan masalah yang dihadapi.

Beliau yang pertama kali mempengerusikan LID berkata, dialog itu menyediakan peluang terbaik kepada setiap negara peserta, termasuk Malaysia untuk meraih pengalaman penting dan berguna.

"Dialog dan perbincangan berterusan adalah satu-satunya cara untuk kita mendapat pemahaman yang lebih baik. Jika kita mahu dihormati dan memimpin, kita perlu mendengar sebelum membuat keputusan.

"Walaupun ini pertama kali saya mempengerusikan LID dan menjadi penaung serta penasihat, saya menghargainya kerana mendapat kerjasama yang baik daripada semua peserta," katanya.

Selain kerjasama membabitkan sektor awam, menerusi dialog itu Malaysia turut memaparkan kejayaan kerjasama di antara sektor swasta dan awam ke arah menghasilkan keputusan dramatik, khusus kejayaan Telekom Malaysia Bhd dan Felda. Ini menunjukkan LID mampu menggerakkan kerjasama lebih erat di antara sektor awam dan swasta, sekali gus menjana lebih banyak peluang dalam pelbagai bidang.

Global 2004-LID juga menampilkan acara baru termasuk pameran perniagaan, pelaburan dan perdagangan serta sesi padanan perniagaan yang bertujuan menggalakkan usaha sama perniagaan dan perangkaian antara syarikat Malaysia dan Afrika.

Lebih 110 perjumpaan sesi padanan perniagaan diadakan, termasuk membabitkan lebih 15 ketua negara dan pegawai kanan kerajaan. Antara pertemuan yang berjaya dikendalikan termasuk dari Sudan, Botswana, Afrika Selatan, Tanzania, Zambia, Swaziland, Uganda dan Namibia.

Dialog kali ini juga menyaksikan Smart Partners Business and Labour Link bersetuju membentuk forum perniagaan CPTM yang akan menyediakan maklumat mengenai undang-undang, insentif perindustrian dan data ekonomi dari setiap negara bagi memudahkan susulan perniagaan.

Laman web CPTM akan dipertingkatkan dan Telekom Malaysia menawarkan sokongannya terhadap usaha itu.

Kejayaan LID 2004 mewujudkan perkongsian pintar, khususnya untuk berkongsi pengalaman dan pandangan turut diakui ketua negara peserta.

Raja Swaziland, Mswati III, berkata dialog kali ini bermanfaat bagi negara peserta berkongsi pandangan bagi menyelesaikan pelbagai masalah yang dihadapi bersama.

"Ia dialog yang berjaya dalam konteks kita berkongsi pengalaman dengan rakan dari negara lain. Saya sifatkan ia adalah sesuatu yang membuahkan hasil," katanya.

Pandangan beliau turut dikongsi Naib Presiden Zambia, Dr Nevers Sekwila Mumba yang menyatakan dialog itu adalah lambang keterbukaan dan demokrasi negara yang menyertainya.

"Berdialog adalah satu-satunya cara untuk kita menyelesaikan pelbagai masalah bersama serta mencari jalan untuk mewujudkan perkongsian pintar di antara kerajaan dan kesatuan sekerja, kumpulan sosial dan media," katanya.

Naib Presiden Uganda, Prof Gilbert Balibaseka Bukonya, berkata usaha Malaysia menganjurkan dialog adalah langkah bijak untuk mewujudkan hubungan pelbagai hala sesama negara peserta secara menang-menang.

"Kami berharap dalam tempoh dua atau tiga bulan ini, ramai ahli perniagaan Malaysia akan berkunjung ke Uganda untuk melihat peluang pelaburan strategik di sana," katanya.

Presiden Mozambique, Joaquim Alberto Chissano, pula berharap isu dalam dialog akan datang diluaskan kepada pelbagai perkara.

"Perkongsian pintar tidak wajar disempitkan dan ia perlu sentiasa dilihat `pintar' dalam keadaan setiap negara mengambil berat mengenai negara lain," katanya.

Dialog kali ini turut melahirkan penghargaan kepada Dr Mahathir kerana memulakan LID.

Berucap pada majlis makan malam sempena penutup Global 2004-LID, Abdullah berkata, ramai rakan dialog yang biasa dengan cara Dr Mahathir dan beliau tidak tahu sama ada mereka akan biasa dengan caranya (Abdullah).

Perdana Menteri turut berterima kasih kepada semua rakan dialog termasuk ketua negara dan kerajaan kerana menyediakan input dan idea berharga bagi memastikan kejayaan LID edisi ketujuh.

"Pada awalnya saya agak sangsi sama ada LID tahun ini akan berjaya tetapi, mereka di sekeliling saya menyumbang banyak idea yang amat saya hargai," katanya sambil mengharapkan ketua kerajaan dan peserta akan berkumpul lagi tahun depan di Lesotho untuk menggerakkan perkongsian pintar.

Global 2004-LID yang khusus menumpukan perbincangan kepada isu kemiskinan, pembangunan dan keselamatan adalah satu lagi kejayaan kepada semua negara peserta, khususnya dan Malaysia amnya.

Ia meneruskan tradisi dialog perkongsian pintar yang membawa kepada situasi 'menang-menang' bagi setiap negara peserta.

Konsep berkenaan berjaya mengumpulkan peserta bersama-sama untuk berbincang dan bekerja bagi mencari jalan penyelesaian kepada pelbagai masalah, termasuk pembangunan dan usaha membasmi kemiskinan sebagai kaedah terbaik untuk mencapai sesuatu keputusan.

Apapun, diharapkan setiap cadangan dan persetujuan yang dicapai selama tiga hari itu tidak hanya tinggal di atas kertas.

Seperti kata Perdana Menteri, beliau mahu semua negara peserta mengambil perhatian serius terhadap semua perkara yang dipersetujui dalam dialog itu.

Dialog ini perlu terus menjadi mekanisme perangkaian yang penting bagi negara membangun.

Hasrat ini hanya akan dicapai jika semua delegasi menyediakan cadangan dan maklum balas untuk memastikan peningkatan berterusan dialog perkongsian pintar serta kemajuan pergerakan itu pada masa depan.

Selamat berjumpa di Lesotho yang bakal menjadi tuan rumah SAID pada 2005.

(END)